

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

# BULETIN JTK SARAWAK



Kementerian Sumber Manusia

EDISI 25 BIL 2/2021 (JULAI - DISEMBER 2021)



## KANDUNGAN

Dari Meja Ketua Editor

Perutusan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

Aktiviti Rasmi Jabatan

Aktiviti Kelab

Sudut Pendidikan Perburuhan

Info ICT

Berita Warga

- Salam Perkenalan
- Pertukaran (Ke Luar Jabatan)
- Pertukaran (Dalaman Jabatan)
- Pegawai Yang Bersara
- Pengurniaan Pingat
- Kelahiran Cahaya Mata
- Meninggal Dalam Perkhidmatan

Sidang Editorial



# *DARI MEJA KETUA EDITOR*



Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam hormat,

Bersua lagi kita dalam Buletin JTK Sarawak Edisi 25 Bil.2/2021 ini. Saya mengucapkan selamat bertemu kembali kepada semua pembaca yang budiman. Dalam Buletin JTK Sarawak edisi kali ini, kita menyajikan program dan aktiviti yang berlangsung sepanjang bulan Julai hingga Disember 2021 buat tatapan semua.

Saya juga merakamkan tahniah dan terima kasih kepada semua ahli Sidang Editorial yang terlibat dan bekerjasama dalam menjayakan penerbitan buletin kali ini. Semoga semangat kerjasama seperti ini dapat diteruskan di masa-masa mendatang.

Melalui buletin seumpama ini, jabatan dapat memaklumkan kepada masyarakat luar berhubung penambahbaikan dan peningkatan mutu perkhidmatan yang diberikan selain maklumat mengenai kejayaan yang dicapai jabatan ini.

Semoga apa yang dimuatkan dalam buletin kali ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca yang budiman. Saya juga berharap agar buletin ini boleh menjadi rujukan pegawai-pegawai di masa hadapan selain menyimpan kenangan kepada seluruh warga JTK Sarawak.

Akhir kata, saya doakan semoga kita semua sihat dan ceria selalu. Semoga perkongsian kali ini bermanfaat jua adanya.

Selamat membaca.

**Wan Zaifolludean Bin Wan Zakaria**  
Ketua Editor

# **PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK**

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah swt juga kita dapat bersua lagi dalam Buletin JTK Sarawak Edisi 25 Bil.2/2021 (Julai – Disember) ini. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli Sidang Editorial yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin kali ini.

Pembaca yang budiman, kita sedia maklum segala rutin dan aktiviti harian jabatan dilaksanakan dalam keadaan normal baharu. Semua aktiviti dan program yang dirancang sepanjang tahun 2021 dapat dilaksanakan dengan sempurna bersesuaian dengan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Alhamdulillah, JTK Sarawak berjaya melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai sebuah agensi penguatkuasa di Sarawak. Dalam tempoh bulan Julai hingga Disember 2021, pelbagai aktiviti penguatkuasaan telah berjaya dilaksanakan.

Pada 15 hingga 19 November 2021, jabatan ini telah mengadakan Program Minggu Penguatkuasaan JTK Sarawak Tahun 2021 secara serentak di seluruh Sarawak melibatkan Zon A (Kawasan Kuching), Zon B (Kawasan Sibu), Zon C (Kawasan Bintulu) dan Zon D (Kawasan Miri).

Objektif program ialah untuk memastikan penguatkuasaan yang dijalankan lebih berkesan dan tindakan wajar diambil terhadap majikan yang melanggar undang-undang perburuhan negara. Program ini turut dapat meningkatkan keupayaan penguatkuasaan jabatan serta imej jabatan di kaca mata masyarakat.

Selain aktiviti penguatkuasaan, Buletin Edisi 25 Bil. 2/2021 (Julai-Disember) kali ini juga menyajikan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh jabatan sepanjang tempoh enam bulan mulai Julai hingga Disember 2021.

Pada 01 November 2021, JTK Sarawak telah berjaya menganjurkan program Labour Go Rural Area Program (Labour GRAP) 2.0 di Bahagian Sri Aman yang bertujuan untuk memperluaskan lagi lingkungan penyampaian perkhidmatan jabatan ke kawasan luar bandar selain menunaikan tanggungjawab korporat sosial (CSR) bersama penduduk setempat di kawasan yang terpilih.

Akhir kata, semoga informasi serta gambar-gambar yang dikongsikan dalam Buletin JTK Sarawak kali ini memberi maklumat yang bermanfaat kepada warga JTK Sarawak dan semua pembaca yang budiman.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh.

**AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**  
Pengarah Tenaga Kerja, Sarawak



## **Pemeriksaan Pematuhan Dan Pemantauan SOP PKP Bahagian Sibu, Sarawak**

Pada 03 Julai 2021, Sabtu pada jam lebih kurang 10.15 pagi, satu pasukan yang diketuai oleh DSP Ariffin Bin Bahar (KBPJKKK IPD SIBU) dan ASP Khusairy Hj. Bujang (OC MPV JPJKK IPD Sibu) dengan kekuatan seramai 22 anggota penguatkuasa dari pelbagai jabatan dan agensi di Bahagian Sibu termasuk dari PTK Sibu telah melakukan pemeriksaan pematuhan dan pemantauan SOP Sektor Am semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sekitar bandar Sibu.

Hasil Pemeriksaan dan pemantauan itu, sebanyak 23 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Antara kesalahan yang dikeluarkan kompaun adalah 6 bagi kesalahan kenderaan yang dinaiki lebih daripada 2 individu dalam sebuah kereta, 16 kompaun atas kesalahan berkumpul tanpa jarak sosial dibenarkan dan 1 kompaun kepada pemilik premis atas kesalahan membenarkan premis dijadikan tempat berkumpul. Tiada tangkapan dan rampasan dilakukan semasa pemeriksaan dijalankan.



## **Operasi Bersepadu Pemantauan SOP Sektor Perkilangan Bahagian Sibu**



Satu Operasi Bersepadu Pemantauan SOP Sektor Perkilangan pada 10 Julai 2021 telah disertai oleh pegawai dari PTK Sibu, Encik Chong Koh Meng bersama pegawai-pegawai penguatkuasa daripada pelbagai jabatan dan agensi di Bahagian Sibu. Operasi dijalankan di sekitar bandar Sibu bagi memantau pematuhan SOP oleh majikan-majikan di sektor tersebut.




# *Operasi Pemantauan SOP Sektor Perkhidmatan Bahagian Sibu*



Pada 10.07.2021 seramai 3 orang pegawai daripada Pejabat Tenaga Kerja Sibu iaitu Encik Morni, Encik Gibson & Encik Rakit telah menyertai satu Operasi Bersepadu bersama pegawai-pegawai penguatkuasa daripada pelbagai agensi dan jabatan lain di Bahagian Sibu. Operasi yang dijalankan adalah bagi memantau pematuhan SOP di sektor perkhidmatan di sekitar Bandar Sibu.

## *Program Clean, Complete & Conclude (3C) Siri 2/2021*



Pada 28 hingga 29 Julai 2021, Bahagian Penyelidikan dan Maklumat (BPM) melalui Unit ICT telah menjayakan Program Clean, Complete & Conclude (3C) Siri 2/2021. Program 3C tersebut dijalankan secara dalam talian melibatkan wakil-wakil ICT dari Pejabat Tenaga Kerja seluruh Sarawak. Taklimat diberikan oleh Pegawai Teknologi Maklumat (F44) iaitu En. Jason Chang Nyuk Kui dan En. Lionel Lai dari Unit ICT, Ibu Pejabat JTK Sarawak.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan dan latihan secara hands-on kepada peserta berkenaan dengan pengemaskinian sistem LMD dan eZLabourcase bagi memastikan semua maklumat dikemaskini dengan betul dan lengkap dalam sistem-sistem yang diberi tumpuan semasa program.

## **Kursus Asas Pengenalan Kepada Anti Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa Dan Pengendalian Tuntutan Kes Buruh Siri 1 Tahun 2021**



Bahagian Penguatkuasaan (BP) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Kursus Asas Pengenalan Kepada Anti Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa Dan Pengendalian Tuntutan Kes Buruh - Siri 1. Kursus tersebut telah diadakan pada 03 hingga 06 Ogos 2022 di Ibu Pejabat, JTK Sarawak. Kursus tersebut dianjurkan secara dalam talian berikutan pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa. Kursus dikendalikan oleh penceramah dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan pihak Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO). Kursus tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja Bahagian terpilih dan Ibu Pejabat JTK Sarawak. Objektif kursus ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas pengendalian dan penyiasatan kes di bawah Akta Antipemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan juga tatacara pengendalian kes buruh di Mahkamah Buruh.

## **Kes Pendakwaan Pejabat Tenaga Kerja Sibu**



Pada 11 Ogos 2021, sebuah syarikat stesen servis dan garaj telah didakwa di Mahkamah Majistret Sibu oleh Pejabat Tenaga Kerja Sibu atas tiga (3) pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana gagal membayar gaji minimum kepada pekerja seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020. Kes disebut di hadapan Majistret Puan Siti Hazwani Hanim Binti Ramli.

Dalam kes tersebut pihak syarikat mengaku bersalah dan didenda RM1,000 untuk setiap tiga (3) pertuduhan dan tiada perintah penjara sekiranya gagal membayar denda. Syarikat telah membayar sepenuhnya denda yang diperintahkan berjumlah keseluruhan RM3,000.00 pada hari yang sama.



Pendakwaan dijalankan oleh En. Abg Mohamad Khaider Bin Abang Suhaili (PTK Sibu) sebagai Pegawai Pendakwa (PO) dibantu oleh En. Morni Bin Narawi (PTK Sibu) sebagai Pembantu Pegawai Pendakwa (Assistant PO). Turut hadir dalam kes pendakwaan ini ialah Puan Sapinah Binti Mohd Ibrahim, Ketua Pejabat PTK Sibu. Pegawai Penyiasat kes ini ialah En. Lio Siang Yun juga dari PTK Sibu.

## **TAKLIMAT BERKENAAN SISTEM eZMONITORING NRE LICENCE BAGI DAFTAR REKOD LESEN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN**



Pada 20 Ogos 2021 telah diadakan Taklimat Berkenaan Sistem eZMonitoring NRE Licence bagi Daftar Rekod Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin anjuran Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat BPM JTK Sarawak. Taklimat dikendalikan oleh Encik Johan Bin Mat, Pegawai Teknologi Maklumat (F44) di Ibu Pejabat. Taklimat ini dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom melibatkan semua pengguna sistem di Pejabat Tenaga Kerja Bahagian di seluruh Sarawak. Sistem eZMonitoring NRE Licence ialah sistem dalaman jabatan yang dibangunkan oleh En. Johan bin Mat bagi membantu memudahkan urusan rekod dan daftar Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin di JTK Sarawak. Objektif taklimat ialah untuk memberi latihan dan tatacara penggunaan sistem eZMonitoring NRE Licence kepada pengguna-pengguna sistem di PTK Bahagian.

## **PENANGKAPAN JUDGMENT DEBTOR (JD) OLEH PEJABAT TENAGA KERJA SIBU**



Pada 25.08.2021 kira-kira pukul 9.00 malam, satu pasukan pegawai dan kakitangan seramai enam (6) orang telah melancarkan operasi penangkapan Judgment Debtor (JD). Pasukan itu dibantu oleh dua (2) anggota Polis dari Balai Polis Sibu Jaya. Dalam operasi itu, pasukan telah berjaya mengesan dan menangkap Judgment Debtor (JD) tersebut sebelum dimasukkan ke dalam lokap Polis. Proses tangkapan itu selesai kira-kira pukul 3.00 pagi sebelum tindakan selanjutnya diambil keesokan harinya.

## Kerja-Kerja Sanitasi Ruang Pejabat oleh Ambang Wira Sdn. Bhd



Kerja-kerja sanitasi ruang pejabat ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak di Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching telah dilakukan oleh pihak Ambang Wira Sdn. Bhd pada 26 Ogos 2021 pukul 9.00 pagi bertujuan menyahkuman virus COVID-19 untuk keselamatan pegawai dan kakitangan.

## Kes Pendakwaan Pejabat Tenaga Kerja Sibu



En. Lio Siang Yun (Kanan) dan En. Chong Koh Meng (Kiri) di hadapan Kompleks Mahkamah Sibu

Pada 03 September 2021 (Jumaat), sebuah syarikat perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barang telah didakwa di Mahkamah Majistret Sibu oleh Pejabat Tenaga Kerja Sibu atas satu (1) pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana gagal membayar gaji minimum kepada pekerja seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020. Kes disebut di hadapan Majistret Puan Siti Hazwani Hanim Binti Ramli. Dalam kes tersebut, pihak syarikat mengaku bersalah dan didenda RM1,300 atau penjara satu (1) bulan jika gagal membayar denda. Syarikat telah membayar sepenuhnya denda yang diperintahkan berjumlah keseluruhan RM1,300.00 pada hari yang sama. Syarikat juga akan membayar perbezaan gaji sebanyak RM300 kepada pekerja terlibat. Pendakwaan dijalankan oleh En. Lio Siang Yun (PTK Sibu) sebagai Pegawai Pendakwa (PO) dibantu oleh En. Chong Koh Meng (PTK Sibu) sebagai Pembantu Pegawai Pendakwa (Assistant PO). Pegawai Penyiasat kes ini ialah En. Morni Bin Narawi (PTK Sibu).

## OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN SOP SEKTOR PERKILANGAN BAHAGIAN SIBU



Pada 09 September 2021 jam 1100 pagi, satu pasukan kolaborasi PDRM bersama lain-lain agensi dan jabatan di Bahagian Sibu telah menjalankan Operasi Bersepadu Pemantauan SOP Sektor Perkilangan di sekitar Bandar Sibu. Operasi ini diketuai oleh INSP Amirah daripada Bahagian Jenayah Komersil IPD Sibu bersama 2 anggota Polis, pegawai penguatkuasa daripada Sibu Municipal Council (SMC), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pejabat Tenaga Kerja Sibu. Pemeriksaan yang dibuat di sebuah permis di Jalan Ding Ling Kong, Sibu telah mengesan seorang pekerja di premis tersebut gagal mengimbas MySejahtera atau mendaftar nama dalam buku daftar yang disediakan semasa masuk bekerja walaupun sudah dinasihati oleh pemilik premis sekaligus tidak mematuhi SOP PPN Fasa 3 yang sedang berkuatkuasa. Kompaun sebanyak RM1,500 telah dikeluarkan kepada pekerja tersebut.

## OPERASI BERSEPADU PEMATUHAN SOP SEKTOR AGRO KOMODITI BAHAGIAN SIBU

Pada 10 September 2021, Encik Morni bin Narawi dari Pejabat Tenaga Kerja Sibu telah menyertai Operasi Bersepadu bersama pegawai-pegawai penguatkuasa dari pelbagai agensi dan jabatan lain di Bahagian Sibu. Agensi yang terlibat ialah pihak PDRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Pertanian Sarawak. Operasi yang dijalankan bertujuan untuk memantau pematuhan SOP di sektor Agro Komoditi di Bahagian Sibu. Sebanyak tiga (3) buah ladang dan sebuah kilang kelapa sawit (*palm oil mill*) telah diperiksa semasa operasi dan tidak ada pelanggaran SOP dikesan.



## Kes Pendakwaan Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman



En. Dunstan Anak Angu, En. Lio Siang Yun, En. Augustin Anak Jetie di hadapan Mahkamah Majistret Sri Aman

Pada 09 September 2021 (Khamis), sebuah majikan restoran makanan telah didakwa di Mahkamah Majistret Sri Aman oleh Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman atas dua (2) pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana gagal membayar gaji minimum kepada pekerja seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020. Kes disebut di hadapan Majistret Tuan Muhamad Yasser Bin Mohd Nasri. Dalam kes tersebut, pihak syarikat mengaku bersalah dan didenda RM1,000 untuk setiap pertuduhan atau penjara satu (1) bulan jika gagal membayar denda. Syarikat telah membayar sepenuhnya denda yang diperintahkan pada hari yang sama. Syarikat juga telah membayar perbezaan gaji sebanyak RM1,743.05 kepada pekerja terlibat.

Pendakwaan dijalankan oleh En. Augustin Anak Jetie (PTK Sarikei) sebagai Pegawai Pendakwa (PO) dibantu oleh En. Lio Siang Yun (PTK Sibu) sebagai Pembantu Pegawai Pendakwa (Assistant PO). Pegawai Penyiasat kes ini ialah En. Dunstan Anak Angu (PTK Sri Aman).

## Kes Pendakwaan Pejabat Tenaga Kerja Sarikei



En. Kennedy Anak Lawrence (PO) bersama En. Augustine Jetie (IO) di hadapan Mahkamah Seksyen dan Majistret Sarikei

Pada 13 September 2021 (Isnin), sebuah majikan restoran telah didakwa di Mahkamah Majistret Sarikei oleh Pejabat Tenaga Kerja Sarikei atas empat (4) pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana gagal membayar gaji minimum kepada pekerja seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020. Kes disebut di hadapan Majistret Puan Stella Augustine Druce.

Dalam kes tersebut, pihak syarikat mengaku bersalah dan didenda RM3,000 untuk setiap pertuduhan atau penjara dua (2) minggu jika gagal membayar denda. Syarikat telah membayar sepenuhnya denda sebanyak RM12,000.00 yang diperintahkan pada hari yang sama.

Pendakwaan dijalankan oleh En. Kennedy anak Lawrence (PTK Sibu) sebagai Pegawai Pendakwa (PO), Pegawai Penyiasat (IO) kes ini ialah En. Augustin Anak Jetie (PTK Sarikei).

## ***Sanitasi Ruang Pejabat oleh Pihak Bomba di Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak***



Kerja-kerja sanitasi ruang pejabat ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak di Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching telah dilakukan oleh pihak Bomba pada 13 September 2021 pukul 9.00 pagi bertujuan menyahkuman virus Covid-19 untuk keselamatan pegawai dan kakitangan.



## ***Meeting On User Requirements For Foreign Workers Transformation Approach (FWTA) Solution***



Pada 14 September 2021 telah diadakan Meeting On User Requirements For Foreign Workers Transformation Approach (FWTA) Solution. Mesyuarat dihadiri oleh pembangun sistem daripada SOCOE Sdn Bhd, Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin (BPPBP), Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat (BPM), Bahagian Standard Perburuhan (BSP) dan Bahagian Penguatkuasaan (BP) JTK Sarawak.

Agenda mesyuarat ialah bagi membincang dan review user requirement study (URS) bagi proses pengeluaran Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) dan Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin termasuk proses-proses kerja aktiviti penguatkuasaan yang digunakan oleh JTK Sarawak.

## PROGRAM KONVOI JALUR GEMILANG MERDEKA @ KOMUNITI LAWAS



Pejabat Tenaga Kerja Lawas telah menyertai Program Konvoi Jalur Gemilang Merdeka @ Komuniti Lawas anjuran Pejabat Penerangan Daerah Lawas sempena Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2021. Beberapa jabatan dan agensi lain di daerah Lawas juga turut mengambil bahagian dalam konvoi tersebut dengan menaiki kendaraan pacuan empat roda.



## OPERASI BERSEPADU PEMANTAUAN SOP SEKTOR PERKILANGAN BAHAGIAN SIBU



Satu Operasi Bersepadu Pematuhan SOP Sektor Perkilangan pada 15 September 2021 telah disertai oleh pegawai dari PTK Sibu, Encik Chong Koh Meng bersama pegawai-pegawai penguatkuasa dari pelbagai jabatan dan agensi di Bahagian Sibu. Operasi dijalankan di sekitar bandar Sibu bagi memantau pematuhan SOP oleh majikan-majikan di sektor perkilangan sekitar bandar Sibu. Seorang majikan telah dikompaun sebanyak RM10,000 kerana gagal menyediakan QR code bagi imbasan MySejahtera seperti yang ditetapkan dalam Peraturan 17(2) PPPPB (PKTJ) (NO.2)2021 di bawah SOP PKP 3.0 yang berkuatkuasa.

## Operasi Bersepadu Pematuhan SOP Sektor Agro Komoditi Bahagian Sibu



Pada 17 September 2021 Encik Morni bin Narawi dari Pejabat Tenaga Kerja Sibu telah menyertai Operasi Bersepadu bersama pegawai-pegawai penguatkuasa dari pelbagai agensi dan jabatan lain di Bahagian Sibu. Agensi yang terlibat ialah pihak PDRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Pertanian Sarawak. Operasi yang dijalankan bertujuan untuk memantau pematuhan SOP di sektor Agro Komoditi di Bahagian Sibu. Sebanyak dua (2) buah ladang telah diperiksa semasa operasi dan tidak ada pelanggaran SOP dikesan dan tiada kompoun dikeluarkan.

## Operasi Penguatkuasaan Bersepadu di Tapak Pembinaan Sekitar Bandar Kuching



Satu Operasi Penguatkuasaan Bersepadu di tapak pembinaan sekitar Bandar Kuching telah diadakan antara tiga agensi iaitu Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, CIDB dan PDRM pada 21 September 2021. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak diwakili oleh Puan Emilya Yahya, Encik Juen Hudin dan En. Phang Pin dari Ibu Pejabat.



## TAKLIMAT OPERASI PEMERIKSAAN BERKAITAN PERMOHONAN SURAT KELULUSAN SECARA DASAR (AP) DI PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH



Operasi Pemeriksaan Berkaitan Permohonan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) di Mukah telah diadakan pada 27 September 2021 oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin (BPPBP), Bahagian Penguatkuasaan (BP), Bahagian Standard Perburuhan (BSP) Ibu Pejabat, JTK Sarawak, PTK Sibu dan juga PTK Mukah. Sebelum operasi dijalankan satu taklimat telah diadakan di Pejabat Tenaga Kerja Mukah kepada ahli-ahli operasi dan dipengerusikan oleh Tuan Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak sendiri.

## AKTIVITI SIASATAN KERTAS SIASATAN (IP) BERFOKUS



Pada 28 hingga 29 September 2021, beberapa pegawai dari ibu pejabat bersama beberapa pegawai PTK Bahagian telah menjalankan siasatan fokus kepada kesalahan di bawah seksyen 119 Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Siasatan telah dijalankan di sebuah ladang kelapa sawit di Kawasan Roban, Saratok. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada program yang dirancang oleh Bahagian Penguatkuasaan (BP) di ibu pejabat.

## ***Operasi Khas Pemeriksaan Gaji Minimum Pejabat Tenaga Kerja Sibu***



Pada 02 Oktober 2021, Pejabat Tenaga Kerja Sibu telah melancarkan Operasi Khas Pemeriksaan Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 berdasarkan Perintah Gaji Minimum 2020 ke atas beberapa premis perniagaan di sekitar Bandar Sibu dengan kekuatan anggota pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja Sibu seramai lapan (8) orang termasuk Puan Sapinah Binti Ibrahim, Ketua Pejabat Tenaga Kerja Sibu merangkap Ketua Operasi.

## ***Program Outreach ke Ba'kelalan, Lawas Sarawak***



Sekitar aktiviti pemeriksaan dan siasatan yang dijalankan semasa Program Outreach berlangsung

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Program Outreach ke Ba'kelalan di kawasan pedalaman di Lawas, Sarawak pada 11 hingga 14 Oktober 2021. Aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung ialah pemeriksaan dan siasatan ke atas majikan yang disyaki menggaji pekerja bukan pemastautin tanpa lesen penggajian yang sah. Fokus siasatan ialah kepada kesalahan di bawah seksyen 119 (1) Ordinan Buruh Sarawak iaitu menggaji pekerja bukan pemastautin tanpa memperolehi lesen yang sah daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak terlebih dahulu.

Sebanyak empat (4) majikan yang disyaki menggaji pekerja bukan pemastautin tanpa lesen yang sah telah disiasat. Kertas siasatan telah dibuka ke atas majikan terbabit untuk tujuan tindakan pendakwaan.

## KURSUS ASAS PENGENALAN KEPADA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA DAN PENGENDALIAN TUNTUTAN KES BURUH - SIRI 2 TAHUN 2021



Bahagian Penguatkuasaan (BP) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Kursus Asas Pengenalan Kepada Anti Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa Dan Pengendalian Tuntutan Kes Buruh - Siri 2 Tahun 2021. Kursus tersebut telah diadakan pada 19 hingga 22 Oktober 2021 bertempat di Citadine Apart Hotel, Kuching. Kursus dikendalikan oleh penceramah dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan pihak Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO). Topik berkaitan Sistem eZLabourcase juga disentuh oleh En. Jason Chang, Pegawai Teknologi Maklumat (F44) dari Ibu Pejabat JTK Sarawak semasa kursus berlangsung. Kursus tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Tenaga Kerja Bahagian yang terpilih dan Ibu Pejabat JTK Sarawak.

Objektif kursus ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas pengendalian dan penyiasatan kes di bawah Akta Antipemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan juga tatacara pengendalian kes buruh di Mahkamah Buruh.

## Kunjungan Hormat Minister & Deputy High Commissioner Dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Pada 28 Oktober 2021, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menerima kunjungan daripada Mohammad Khorshed A.Khastagir, Minister & Deputy High Commissioner bersama seorang pegawai daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur. Mereka disambut oleh Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak Tuan Wan Zaifolludean bin Wan Zakaria bersama Ketua-Ketua Bahagian di Ibu Pejabat JTK Sarawak. Objektif kunjungan tersebut ialah untuk merapatkan lagi hubungan jabatan ini dengan pihak Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur.

## MESYUARAT MINGGUAN PENGUATKUASAAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN (BP)



Mesyuarat Mingguan Penguatkuasaan telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom. Urusetia mesyuarat ialah Bahagian Penguatkuasaan dan juga dihadiri oleh pegawai dari Bahagian Standard Perburuhan (BSP) dan juga Ketua Pejabat Bahagian atau wakil. Objektif mesyuarat ialah bagi memantau dan membincang perkembangan dan isu-isu berkaitan aktiviti penguatkuasaan di Pejabat-pejabat Tenaga Kerja Bahagian di seluruh Sarawak secara berkala.

# Labour Go Rural Area Program (Labour GRAP) JTK Sarawak 2021




Gambar kenang-kenangan pegawai-pegawai JTK Sarawak di atas jambatan di Empangan Hidro Elektrik Batang Ai, Sri Aman



Peserta mengambil tempat sebelum bermulanya Program Labour GRAP JTK Sarawak 2021



Penyerahan 'bakul kasih' dan 'bakul kit COVID-19' kepada keluarga yang dilawati semasa program



Pegawai-pegawai JTK Sarawak sedang memberi khidmat nasihat dan penerangan berkaitan undang-undang perburuhan kepada majikan semasa program berlangsung

pemastautin telah dilawati. Majikan-majikan terlibat telah diberi khidmat nasihat dan penerangan berkaitan undang-undang perburuhan terutama yang berkaitan dengan penggajian pekerja bukan pemastautin.

Labour Go Rural Area Program (Labour GRAP) JTK Sarawak 2021 telah berjaya dianjurkan pada 1 November 2021 oleh JTK Sarawak secara berkonvoi menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Kawasan yang dijelajahi termasuklah Lingga, Pantu, Engkilili dan Lubok Antu di Bahagian Sri Aman, Sarawak.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk di kawasan luar bandar berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan, menjadi platform kepada jabatan untuk menyampaikan khidmat nasihat perburuhan secara terus kepada majikan yang dilawati, dan mewujudkan jalinan kerjasama bersama penduduk setempat melalui program "Corporate Social Responsibility (CSR) yang dianjurkan semasa program.

Aktiviti-aktiviti semasa program ialah lawatan kesedaran ke premis perniagaan dan tempat kerja berhubung peranan jabatan dan khidmat yang disediakan di JTK Sarawak, memberi khidmat nasihat perburuhan kepada majikan dan pekerja, mengedarkan berkaitan aktiviti-aktiviti utama jabatan, dan aktiviti tanggungjawab sosial melalui penyerahan 'bakul kasih' dan 'bakul kit Covid-19' yang telah memberi manfaat kepada sepuluh (10) keluarga di kawasan yang dilawati.

Sebanyak dua belas (12) majikan yang ada menggaji pekerja bukan

# Minggu Penguatkuasaan JTK Sarawak 2021



Sekitar Program Minggu Penguatkuasaan JTK Sarawak di seluruh Sarawak



Pegawai-pegawai JTK Sarawak sedang membuat persiapan dan berbincang sebelum memulakan operasi

iaitu menggaji pekerja bukan pemastautin tanpa memperolehi lesen yang sah daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak terlebih dahulu.

Hasil daripada program ini, sebanyak enam belas (16) kertas siasatan telah dibuka terhadap enam belas (16) majikan yang diperiksa. Kesalahan yang dikesan adalah di bawah seksyen 119 (1) Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) kerana gagal memperolehi lesen menggaji pekerja bukan pemastautin yang sah daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak dan sedang dalam proses diambil tindakan undang-undang sewajarnya.

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah melaksanakan Program Minggu Penguatkuasaan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak tahun 2021 selama seminggu mulai 15 hingga 19 November 2021. Program tersebut dilaksanakan serentak di seluruh Sarawak melibatkan empat (4) zon iaitu Zon A (Kawasan Kuching), Zon B (Kawasan Sibu), Zon C (Kawasan Bintulu) dan Zon D (Kawasan Miri).

Objektif program ini ialah untuk memastikan penguatkuasaan yang dijalankan lebih berkesan dan tindakan wajar diambil terhadap majikan yang melakukan kesalahan mengikut prosedur yang ditetapkan selain dapat meningkatkan keupayaan penguatkuasaan jabatan serta imej jabatan di kaca mata masyarakat.

Semua Pejabat Tenaga Kerja (PTK) dan pegawai-pegawai Tenaga Kerja berkenaan diseluruh Sarawak terlibat sepanjang Minggu Penguatkuasaan ini berlangsung. Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan semasa program ini ialah Pemeriksaan Berfokus dan Siasatan Berfokus. Penekanan yang diberikan ialah kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 119 (1) Ordinan Buruh Sarawak

## **Program Naziran oleh Bahagian Standard Perburuhan Ke Pejabat Tenaga Kerja Bakun**



Puan Bibi Diana dan Encik Juen Hudin daripada Bahagian Standard Perburuhan Ibu Pejabat telah menjalankan naziran ke atas Pejabat Tenaga Kerja Bakun 24 November 2021. Naziran dibuat ke atas rekod dan fail bagi aktiviti pemeriksaan berkanun, aduan buruh dan khidmat nasihat perburuhan di pejabat yang dinazir.

## **Ceramah Perburuhan oleh Pejabat Tenaga Kerja Bakun**



Pejabat Tenaga Kerja Bakun telah mengadakan Program Ceramah Perburuhan bertajuk "Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Majikan Ladang Kepada Pekerja Mengikut Kehendak Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)" bertempat di Samling Belaga Training Centre selama dua hari mulai 25 hingga 26 November 2021. Program ini dihadiri oleh pengurus-pengurus dan staf pejabat ladang-ladang Samling Group of Company di sekitar kawasan Sungai Asap dan Belaga.

# Sesi Pengujian Sistem SPPLNS Web 2.0



Sesi Pengujian Sistem Penggajian Pekerja Luar Negeri Sarawak (SPPLNS) Web 2.0 telah diadakan pada 7 Disember 2021 di ibu pejabat. Pengujian sistem dibuat oleh Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin (BPPBP) bersama Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat (BPM). Objektif pengujian ialah untuk memastikan sistem boleh digunakan dan *reliable*. Sesi pengujian dikendalikan oleh Encik Jason Chang Nyuk Kui, Pegawai Teknologi Maklumat (F44) daripada Unit ICT ibu pejabat sebagai orang yang bertanggungjawab membangun dan mentadbir sistem SPPLNS Web 2.0.



## Pejabat Tenaga Kerja Bakun Bersama TV Sarawak (TVS)



Pada 13 Disember 2021, Pejabat Tenaga Kerja Bakun telah menerima kunjungan daripada pihak TV Sarawak (TVS). Dalam kunjungan itu, En. Alexander Pateh, Pegawai Tenaga Kerja di PTK Bakun telah ditemubual oleh wartawan daripada TVS berhubung peranan dan tanggungjawab PTK Bakun terhadap warga kerja dan masyarakat sekitar kawasan di bawah pentadbiran PTK Bakun terutama terhadap golongan pencari kerja di kawasan tersebut. Temubual itu disiarkan menerusi TVS.




## *Mesyuarat Post Mortem Pencapaian 2021 dan Strategi 2022 Pejabat Tenaga Kerja Bintulu*



Pada 14 Disember 2021, Pejabat Tenaga Kerja Bintulu telah mengadakan Mesyuarat Post Mortem Pencapaian 2021 dan Strategi 2022 di Bilik Mesyuarat, PTK Bintulu. Mesyuarat dihadiri oleh semua pegawai dan staf PTK Bintulu bertujuan untuk menilai dan meneliti semula pencapaian pejabat sepanjang tahun 2021 dan membincang rancangan dan strategi pejabat untuk tahun 2022.



## *Perhimpunan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2021*



Perhimpunan Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2021 telah diadakan pada 16 Disember 2021. Perhimpunan kali ini telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi zoom melibatkan semua pegawai dan kakitangan di ibu pejabat dan PTK Bahagian. Amanat telah disampaikan oleh Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Amanat yang disampaikan juga diikuti oleh semua warga JTK Sarawak di work station dan pejabat masing-masing sama ada di ibu pejabat mahupun di PTK Bahagian seluruh Sarawak.

## Sambutan Hari Malaysia Kelab Sosial dan Kebajikan Pejabat Tenaga Kerja Bakun



Kelab Sosial dan Kebajikan Pejabat Tenaga Kerja Bakun telah mengadakan Sambutan Hari Malaysia pada 28 September 2021. Pengurus Kelab Sosial dan Kebajikan En. Edwin Eddy menerusi perutusan Hari Malaysia dalam program Sumbangan Bakul Makanan Kepada Ibu Tunggal sempena Sambutan Hari Malaysia 2021 mengajak seluruh ahli kelab dan masyarakat di Sg. Asap amnya agar bersatu, bermuafakat dan berganding bahu sebagai sebuah Keluarga Malaysia bagi mengakhiri pandemik Covid-19. Kelab Sosial dan Kebajikan Pejabat Tenaga Kerja Bakun turut mengambil inisiatif untuk menghulurkan sedikit bantuan kepada golongan ibu tunggal seramai 75 orang daripada 16 buah rumah Panjang di Sg. Asap, Bakun. Dalam program ini juga, Kelab Sosial dan Kebajikan Pejabat Tenaga Kerja Bakun turut mengedarkan risalah bagi tujuan promosi untuk menyampaikan peranan dan fungsi Jabatan Tenaga Kerja Sarawak kepada penduduk setempat.

## Majlis Jamuan Ringkas Sempena Pertukaran Keluar Encik Wahid Bin Olen



Satu Majlis Jamuan Ringkas telah diadakan pada 22 Oktober 2021 bagi meraikan En. Wahid Bin Olen yang bertukar keluar daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ke Mahkamah Perusahaan Malaysia, Sarawak sebagai Penolong Pendaftar setelah berkhidmat lebih kurang 35 tahun di jabatan ini. Warga Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bertugas di tempat baharu kepada beliau.

## Majlis Perpisahan Pegawai-Pegawai di Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Satu Majlis Perpisahan Pegawai-Pegawai di Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diadakan pada 29 Oktober 2021 bagi meraikan En. Wahid Olen yang bertukar keluar daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ke Mahkamah Perusahaan Malaysia, Sarawak dan Puan Kong Siew Chuo yang bertukar keluar ke Pejabat Biro Bantuan Guaman. En. Wahid telah berkhidmat lebih kurang 35 tahun di jabatan ini sementara Puan Kong Siew Chuo telah berkhidmat lebih kurang 4 tahun. Warga Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bertugas di tempat baharu kepada kedua-dua pegawai yang diraikan.

## AKTIVITI EKSA PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN



Pada 1 Disember 2021 telah diadakan aktiviti gotong-royong sempena Program Ekosistem Sektor Awam (EKSA) di Pejabat Tenaga Kerja Bakun. Semua pegawai dan staf telah mengambil bahagian dalam semangat kekeluargaan dan saling bekerjasama. Aktiviti gotong royong ini melibatkan kerja-kerja mengemas ruang pejabat, mencantikkan ruang pejabat dan mengecat semula dinding pejabat ke arah menceriakan ruang pejabat.



## MAJLIS MAKAN MALAM 2021 PTK BINTULU



PTK Bintulu telah menganjurkan Majlis Makan Malam 2021 untuk pegawai dan staf di PTK Bintulu pada 14 Disember 2021 bertempat di Peace Garden Restaurant, Bintulu. Majlis tersebut bertujuan untuk merapatkan lagi silaturahim sesama pegawai dan staf di PTK Bintulu dan diadakan secara tahunan.



## Sorotan Kes: Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Adakah gangguan seksual berlaku apabila memanggil rakan sekerja "sayang"? Perkara ini telah diputuskan baru-baru ini dalam kes Loganathan Maniam vs Murphy Sarawak Oil Co. Ltd. [2020] 2 ILR 275. Dalam kes tersebut, pihak yang menuntut telah diambil bekerja oleh sebuah syarikat di Johor sebagai Construction Superintendent. Setelah tiga tahun berkhidmat beliau dihantar untuk bertugas di sebuah tapak kontraktor syarikat di Kuching. Dua bulan kemudian pihak yang menuntut diberikan surat tunjuk sebab atas tuduhan gangguan seksual terhadap setiausahaannya dengan memanggil "sayang" secara terbuka di hadapan pekerja-pekerja lain dan melalui hantaran mesej. Tindakan pihak yang menuntut dikatakan melampaui norma yang boleh diterima, bertentangan dengan budaya dan membuat setiausahaannya berasa tidak selesa dan terhina. Pada masa yang sama, pihak yang menuntut juga dituduh melakukan tindakan fizikal yang tidak senonoh seperti meletakkan tangan di bahu, bersalaman tanpa sebab setiap hari dan menyentuh pipi setiausaha. Selain itu, beliau juga dituduh memberi hadiah-hadiah yang tidak diingini dan meminta setiausaha melakukan kerja di luar bidang tugas seperti menjemputnya di lapangan terbang, menemaninya membeli pakaian untuk makan malam dan meminta setiausaha membawanya ke bilik hotel. Beliau kemudian dibuang kerja atas alasan salah laku selepas

siasatan dalaman yang djalankan oleh syarikat.

Mahkamah Perusahaan mengesahkan keputusan syarikat. Mahkamah dalam keputusannya berpendapat istilah "sayang" dalam Bahasa Melayu menunjukkan keintiman dan di luar persahabatan dua pihak. Hubungan antara pihak yang menuntut dan setiausahaannya merupakan hubungan pekerjaan dan pihak yang menuntut seharusnya sedar bahawa perbuatan sedemikian adalah tidak wajar. Selain itu, pemberian barang wanita yang bersifat peribadi seperti bunga dan minyak wangi juga tidak boleh diterima. Berkenaan dengan gangguan seksual secara fizikal, mahkamah berpendapat bahawa menyentuh wanita secara fizikal tidak boleh diterima dan merupakan sesuatu yang tidak wajar. Oleh itu, Mahkamah berpendapat pihak yang menuntut telah melakukan perbuatan yang tidak boleh diterima mengambil kira jawatan yang disandang olehnya serta budaya dan latar belakang setiausaha. Mahkamah memutuskan tingkah laku pihak yang menuntut adalah kurang sopan sebagai orang atasan dan bersifat kesat.

Masalah gangguan seksual di tempat pekerja melibatkan tingkah laku peribadi dalam sesebuah organisasi. Sehubungan itu, pendekatan terbaik untuk memerangi isu gangguan seksual adalah melalui penubuhan mekanisma

pencegahan dan pengawalan di peringkat organisasi. Pada tahun 1999, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja (selepas ini disebut "Kod Amalan 1999"). Tujuan Kod Amalan 1999 adalah untuk memberi garis panduan kepada majikan mengenai penubuhan mekanisma dalaman di peringkat organisasi bagi mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja.

Kod Amalan 1999 telah diiktiraf dan dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd. Ridzwan Abdul Razak v. Asmah Hj. Mohd Nor [2016] 6 CLJ 346*. Dalam kes tersebut, responden merupakan pekerja bawahan perayu di syarikat yang sama. Pada 29 September 2009, responden membuat aduan kepada syarikat bahawa perayu melakukan gangguan seksual dengan mengeluarkan kata-kata kesat yang mengandungi ciri-ciri kekasaran dan seksual terhadapnya. Siasatan diambil oleh syarikat dan mendapati tiada keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan tindakan disiplin terhadap perayu. Pada 9 Disember 2011, perayu mengeluarkan writ terhadap responden menuntut ganti rugi daripada responden. Responden memfailkan tuntutan balas pada 28 Disember 2011. Mahkamah menolak tuntutan perayu dan perayu merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan menolak rayuan perayu dan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi. Perayu kemudian berjaya memperolehi kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, rayuan perayu telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

Yang Arif HMP dalam menyampaikan penghakiman mahkamah menyatakan bahawa gangguan seksual telah dilakukan apabila terdapat kelakuan yang tidak munasabah dan menindas dengan beberapa kenyataan berciri seksual secara berterusan dan disengajakan. Perkataan kasar dan jelas berhubungan dengan seks yang diadukan oleh responden adalah gangguan seksual, yang berpunca daripada gangguan lisan seperti dijelaskan di bawah Kod Amalan 1999.

Seterusnya Yang Arif HMP memutuskan:

*Sexual harassment is a very serious misconduct and in whatever form it takes, cannot be tolerated by anyone. In whatever form it comes, it lowers the dignity and respect of the person who is harassed, let alone affecting his or her mental and emotional well-being. Perpetrators who go unpunished, will continue intimidating, humiliating and traumatising the victims thus resulting, at least, in an unhealthy working environment.*

Gangguan seksual adalah salah laku yang serius dan dalam bentuk apa sekalipun bergantung kepada persepsi dan budaya suatu masyarakat. Fenomena ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia bukan sahaja merendahkan maruah mangsa dan mengakibatkan kesejahteraan mental dan emosinya terganggu malahan ia juga memberi kesan kepada produktiviti dan imej organisasi. Justeru, tindakan yang wajar harus diambil dan pihak yang melakukan kesalahan hendaklah dikenakan hukuman demi menjaga suasana persekitaran kerja yang sihat dan kondusif.

Disediakan oleh,  
Phang Pin  
Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja  
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



# SISTEM PEMANTAUAN OPERASI TUGAS (SPOT-ME)

## Tahukah Anda?



SPOT-Me merupakan sistem yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Sistem ini bertujuan untuk memudahkan pemantauan kehadiran dan tugas secara elektronik yang membenarkan waktu masuk dan keluar didaftarkan dari mana-mana lokasi sama ada ketika bertugas di pejabat atau di luar pejabat berdasarkan fungsi geolokasi peranti mudah alih.

Pelaksanaan SPOT-Me adalah selaras dengan pekeliling berkaitan kehadiran dan waktu bekerja:

### 1. Surat Pekeliling Am Bil 1/2002

Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik di Agensi-Agenzi Kerajaan

### 2. Pekeliling Perkhidmatan Bil 11/2017

Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung

### 3. Pekeliling Perkhidmatan Bil 5/2019

Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan

### 4. Pekeliling Perkhidmatan Bil 5/2020

Dasar Bekerja Dari Rumah



Merekod kehadiran bertugas



Merekod lokasi pegawai



Merekod catatan tugas pegawai



Memantau rekod kehadiran dan tugas Pegawai bawah seliaan



Integrasi data kehadiran dari sistem/Peranti biometric (Sehala)



Dashboard Statistik dan Laporan Kehadiran

### Pelaksanaan

Arahan untuk penggunaan sepenuhnya SPOT-Me di JTK Sarawak dan PTK seluruh Sarawak adalah pada Januari 2023



# SALAM PERKENALAN

	NAMA PEGAWAI	Nurhayati Binti Mohd Shahar
	JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
	DARI	Pejabat Tenaga Kerja Sandakan
	KE	PTK Kota Samarahan
	TARIKH KUAT KUASA	23.08.2021
	NAMA PEGAWAI	Sharifah Meriana Binti Wan Mohammed
	JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44
	DARI	Mahkamah Perusahaan Malaysia, Cawangan Sarawak
	KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	27.09.2021
	NAMA PEGAWAI	Norsafina Binti Idris
	JAWATAN	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32
	DARI	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
	KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	25.10.2021
	NAMA PEGAWAI	Rhymie Bin Mohd Ramli
	JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48 (M)
	DARI	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
	KE	Pejabat Tenaga Kerja Miri
	TARIKH KUAT KUASA	25.10.2021
	NAMA PEGAWAI	Mohd Akmal Bin Jahwi
	JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
	DARI	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah
	KE	PTK Serian
	TARIKH KUAT KUASA	23.08.2021
	NAMA PEGAWAI	Bibi Diana Binti Abdul Manaf
	JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44
	DARI	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sabah
	KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	27.09.2021
	NAMA PEGAWAI	Mohd Rosandy Bin MD Ruslim
	JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48 (M)
	DARI	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
	KE	Pejabat Tenaga Kerja Sibu
	TARIKH KUAT KUASA	25.10.2021
	NAMA PEGAWAI	Nur Syafiqah Binti Suleiman
	JAWATAN	Pegawai Undang-Undang L41
	DARI	Jabatan Peguam Negara Sabah
	KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	01.11.2021

# PERTUKARAN (KE LUAR JABATAN)

	NAMA PEGAWAI	Waddington Jan Anak Lin Lajang
	JAWATAN	Juruteknik Komputer Gred FT19
	DARI	PTK Bintulu
	KE	Politeknik Kuching, Kementerian Pengajian Tinggi
	TARIKH KUAT KUASA	01.07.2021
	NAMA PEGAWAI	Tengku Masitah Binti Tengku Shahrom
	JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
	DARI	PTK Kota Samarahan
	KE	Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan
	TARIKH KUAT KUASA	23.08.2021
	NAMA PEGAWAI	Wahid Bin Olen
	JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44
	DARI	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	KE	Mahkamah Perusahaan Malaysia, Cawangan Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	27.09.2021
	NAMA PEGAWAI	Kong Siew Chuo
	JAWATAN	Pegawai Undang-Undang Gred I44
	DARI	Ibu Pejabat, JTK Sarawak
	KE	Jabatan Peguam Negara Negeri Sarawak
	TARIKH KUAT KUASA	01.11.2021
	NAMA PEGAWAI	Manisah Binti Baharudin
	JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
	DARI	PTK Miri
	KE	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur
	TARIKH KUAT KUASA	23.08.2021

# PERTUKARAN (DALAMAN JABATAN)

	NAMA PEGAWAI	Doris Anak Rakey		NAMA PEGAWAI	Asip Anak Ganam
JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44		JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S38	
DARI	PTK Kuching		DARI	PTK Kuching	
KE	PTK Miri		KE	PTK Serian	
TARIKH KUAT KUASA	01.07.2021		TARIKH KUAT KUASA	02.08.2021	
	NAMA PEGAWAI	Asmarina Binti Othman		NAMA PEGAWAI	Bryine Benner Anak Lanen
JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44		JAWATAN	Pembantu Operasi Gred N11	
DARI	Ibu Pejabat, JTK Sarawak		DARI	PTK Kuching	
KE	PTK Kuching		KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak	
TARIKH KUAT KUASA	02.08.2021		TARIKH KUAT KUASA	09.08.2021	
	NAMA PEGAWAI	Nur Syifa Vera Binti Imang		NAMA PEGAWAI	Emilya Binti Yahya
JAWATAN	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK 1)		JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41	
DARI	PTK Kuching		DARI	PTK Kuching	
KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak		KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak	
TARIKH KUAT KUASA	09.08.2021		TARIKH KUAT KUASA	09.08.2021	
	NAMA PEGAWAI	Mohamad Bin Tahir		NAMA PEGAWAI	Mac Gyver Anak Majang
JAWATAN	Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19		JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41	
DARI	PTK Kuching		DARI	PTK Marudi	
KE	Ibu Pejabat, JTK Sarawak		KE	PTK Kapit	
TARIKH KUAT KUASA	27.09.2021		TARIKH KUAT KUASA	15.09.2021	
	NAMA PEGAWAI	Sumai Anak Renang		NAMA PEGAWAI	Jevline Lireh Semut
JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41		JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41	
DARI	PTK Kapit		DARI	PTK Bintulu	
KE	PTK Bintulu		KE	PTK Miri	
TARIKH KUAT KUASA	15.09.2021		TARIKH KUAT KUASA	15.09.2021	

# PERTUKARAN (DALAMAN JABATAN)

	NAMA PEGAWAI Julinah Binti Jamalaldin	JAWATAN Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S38	DARI PTK Serian	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 02.08.2021		NAMA PEGAWAI Nur Alwani Izzati Binti Shahudin	JAWATAN Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29	DARI PTK Kuching	KE PTK Serian	TARIKH KUAT KUASA 02.08.2021
	NAMA PEGAWAI Heyward Anak Banggit	JAWATAN Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29	DARI PTK Serian	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 02.08.2021		NAMA PEGAWAI Einstein Edward Anye	JAWATAN Pembantu Operasi Gred N11	DARI Ibu Pejabat, JTK Sarawak	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 09.08.2021
	NAMA PEGAWAI Norsiah Binti Rambli	JAWATAN Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19	DARI Ibu Pejabat, JTK Sarawak	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 09.08.2021		NAMA PEGAWAI Abdullah Siddik Bin Den	JAWATAN Penghantar Notis Gred N11	DARI PTK Sri Aman	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 27.09.2021
	NAMA PEGAWAI Mohammad Tazullah Khan	JAWATAN Penghantar Notis Gred N11	DARI PTK Sarikei	KE PTK Sibu	TARIKH KUAT KUASA 27.09.2021		NAMA PEGAWAI Ahmad Zainul Bin Ben	JAWATAN Penghantar Notis Gred N11	DARI PTK Limbang	KE PTK Sri Aman	TARIKH KUAT KUASA 27.09.2021
	NAMA PEGAWAI Patrick Rabar Anak Garing	JAWATAN Pembantu Operasi Gred N11	DARI PTK Sibu	KE PTK Bakun	TARIKH KUAT KUASA 27.09.2021		NAMA PEGAWAI Norina Binti Abdul Rashid	JAWATAN Jurubahasa Gred LA19	DARI Ibu Pejabat JTK Sarawak	KE PTK Kuching	TARIKH KUAT KUASA 27.09.2021

# PEGAWAI YANG BERSARA 2021



Nama Pegawai	Khusyairy Pangkas Abdullah
Jawatan	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Tarikh Bersara	07.08.2021
Pejabat	PTK Miri



Nama Pegawai	Susa Anak Supak
Jawatan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
Tarikh Bersara	25.09.2021
Pejabat	Ibu Pejabat, JTK Sarawak



Nama Pegawai	Hasanah Binti Abang Adenan
Jawatan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 (KUP)
Tarikh Bersara	24.12.2021
Pejabat	PTK Sri Aman



Nama Pegawai	Nigel Anak Na'of
Jawatan	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Tarikh Bersara	31.12.2021
Pejabat	Ibu Pejabat, JTK Sarawak

# PENGURNIAAN PINGAT

## Tahniah

Nama Pegawai	YBrs. Tuan Awang Raduan Bin Awang Omar
Jawatan	Pengarah Tenaga Kerja Sarawak
Pejabat	Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Darjah Kebesaran Negeri Sarawak	Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S)
Tarikh	14.12.2021




Nama Pegawai	Encik Rajiee Bin Jamain
Jawatan	Pembantu Operasi
Pejabat	Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Darjah Kebesaran Negeri Sarawak	Bentara Bintang Sarawak (BBS)
Tarikh	30.09.2021


# KELAHIRAN CAHAYA MATA



NAMA PEGAWAI	Sharifah Zurina Binti Wan Wek
JAWATAN	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK1)
PEJABAT	PTK Kota Samarahan
NAMA ANAK	Muhammad Aisy Dzakwan bin Ulil Amri
TARIKH LAHIR	11.11.2021
JANTINA	Lelaki



NAMA PEGAWAI	Dayang Asmiza Binti Awang Ismadi
JAWATAN	Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)
PEJABAT	PTK Kota Samarahan
NAMA ANAK	Azzahra Mikhayla Bt. Azzizan
TARIKH LAHIR	04.07.2021
JANTINA	Perempuan



NAMA PEGAWAI	Mohamad Shahruddin Bin Zaidil
JAWATAN	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M44
PEJABAT	Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
NAMA ANAK	Nur Sophia Fatima Binti Mohamad Shahruddin
TARIKH LAHIR	28.11.2021
JANTINA	Perempuan



NAMA PEGAWAI	Lolita Anak Codala
JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
PEJABAT	Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
NAMA ANAK	Leonne Sylas Isaiah
TARIKH LAHIR	22.12.2021
JANTINA	Lelaki



NAMA PEGAWAI	Rozina Binti Rajak
JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
PEJABAT	PTK Kota Samarahan
NAMA ANAK	Muhammad Zaf Aqeel Bin Mohamad Azrin
TARIKH LAHIR	22.10.2021
JANTINA	Lelaki



NAMA PEGAWAI	Jason Wong Yew Tiing
JAWATAN	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
PEJABAT	PTK Bintulu
NAMA ANAK	Nicole Wong Wan Yuan
TARIKH LAHIR	28.07.2021
JANTINA	Perempuan



NAMA PEGAWAI	Siti Amirra Binti Mohamad
JAWATAN	Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
PEJABAT	PTK Serian
NAMA ANAK	Aqil Zhafran Bin Ismail
TARIKH LAHIR	28.09.2021
JANTINA	Lelaki

# Salam Takziah

Kepada Seluruh Keluarga

**EN. HUSSEN AKONG**  
Meninggal dunia pada  
07 Disember 2021

Daripada seluruh warga  
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak




# MUTIARA KATA



*“What is life,  
Without a little  
risk?”*

- J.K ROWLING



*“Have the courage  
to follow your heart  
and intuition.”*

- STEVE JOBS



*“The way to get  
started is to quit  
talking and begin  
doing.”*

- WALT DISNEY

# SIDANG EDITOR



# JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

## IBU PEJABAT

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak  
Kementerian Sumber Manusia  
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383,  
93532 Kuching, Sarawak  
Telefon : 082 242 261, 082 414 062  
Telekerja : 082 242 050  
Faks : 082 244 909, 082 237 051  
Emel : jtknsarawak@mohr.gov.my  
Laman Web: <http://www.jtkswk.gov.my>

## PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt. 7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,  
Peti Surat 375, 93300 Kuching  
Tel : 082-247349 Fax : 082-247305  
Emel : jtkbkuching@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt. Bawah 1 & 2, Fasa 17,  
Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District,  
Jln Dato' Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan  
Tel : 082-616073 Fax : 082-616054  
Emel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jalan Alamanda,  
Serian Town District, 94700 Serian  
Tel : 082-874840 Fax : 082-875299  
Emel : jtkbserian@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II,  
Jalan Kejatau, Peti Surat 83, 95007 Sri Aman  
Tel : 083-322527 Fax : 083-323194  
Emel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 Of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9, Batu  
Api Land District, Betong Newtownship, 95700 Betong  
Tel : 083-420233 Fax : 083-420244  
Emel : jtkbbetong@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse,  
Lot 719, Saratok Town District, 95400 Saratok  
Tel : 083-438603 Fax : 083-438609  
Emel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tkt. 2, Wisma Persekutuan,  
Jln. Bgn. Kerajaan, 96100 Sarikei  
Tel : 084-651242 Fax : 084-654011  
Emel : jtkbsarieki@mohr.gov.my

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Kementerian Sumber Manusia.

Buletin JTK Sarawak Edisi 25 Bil.2/2021

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat (BPM)  
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak  
Kementerian Sumber Manusia  
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383,  
93532 Kuching, Sarawak

## PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt. 3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462,  
Persiaran Brooke, Peti Surat 431, 96007 Sibu  
Tel : 084-330700 Fax : 084-317284  
Emel : jtkbsibu@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt. 2, Wisma Persekutuan, Jalan Kapit By-Pass,  
Peti surat 75, 96807 Kapit  
Tel : 084-796430 Fax : 084-797637  
Emel : jtkbkapit@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68, Mukah Land  
District, Mukah Town Extension Phase II,  
96400 Mukah  
Tel : 084-874179 Fax : 084-874182  
Emel : jtkbmukah@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt. 2, Bangunan Persekutuan, Batu 2,  
Jln Bintulu/Miri, Peti Surat 418, 97008 Bintulu  
Tel : 086-337625 Fax : 086-339457  
Emel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No. 4, Sungai Asap Commercial Centre, Belaga  
Peti Surat 418, 97008 Bintulu  
Tel : 019-8595286 Fax : 086-339457  
Emel : jtkbbakun@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt. 3, Bangunan Persekutuan, Jalan Gartok,  
Peti Surat 541, 98007 Miri  
Tel : 085-419949 Fax : 085-417181  
Emel : jtkbmiri@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan, Jalan Fisher,  
Peti Surat 128, 98707 Limbang  
Tel : 085-211228 Fax : 085-212461  
Emel : jtkblimbang@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt. 2, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Cina,  
Peti Surat 224, 98508 Marudi  
Tel : 085-755963 Fax : 085-756559  
Emel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

## PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat,  
Lot 334, Jln Trusan, Lawas Town District, 98850 Lawas  
Tel : 085-285452 Fax : 085-285476  
Emel : jtkblawas@mohr.gov.my

Telefon : 082 242 261, 082 414 062

Telekerja : 082 242 050

Faks : 082 244 909, 082 237 051

Emel : jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman Web : <http://www.jtkswk.gov.my>